

Tiga projek Hua Yang terima perakuan siap dan pematuhan

Utusan Borneo (Sarawak) 15 Mar 2017 [+2 more](#)

KUALA LUMPUR: Hua Yang Bhd menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi tiga projek kediaman di Lembah Klang dan Bandar Universiti Seri Iskandar.

Projek itu ialah Sentrío Suite dan Residensi Flora di One South, Seri Kembangan, Selangor serta Lavender 2 di BUSI, Perak, yang merupakan projek bandar utama Hua Yang dengan nilai pembangunan kasar keseluruhan RM408 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif, Ho Wen Yan berkata, unit di ketiga-tiga projek itu telah dijual sepenuhnya dalam tempoh singkat, sekali gus

menunjukkan permintaan dan minat yang tinggi dalam segmen kediaman mampu milik.

“Lembah Klang dan Perak kekal sebagai wilayah penting syarikat dan terus menyumbang secara positif kepada perolehan Hua Yang,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Bagi suku ketiga tahun kewangan 2017, projek Hua Yang di Lembah Klang merupakan penyumbang terbesar kepada perolehan syarikat iaitu 45 peratus manakala pembangunan di Perak pula menyumbang 21 peratus. — Bernama